

# Matrix lancar fasa dua projek Resort Villa

**SEREMBAN** — Matrix Concepts Holdings Berhad (Matrix Concepts) melancarkan projek kediaman jenis villa terbaharu runya, iaitu Resort Villa dengan nilai pembangunan kasar (GDV) RM135.9 juta.

Pelancaran bagi fasa kedua ini dilakukan ekoran kejayaan syarikat melancarkan projek kediaman yang sama untuk fasa pertama yang telah berjaya dijual sepenuhnya dalam masa tiga bulan sahaja pada bulan April tahun lepas.

Ketua Pegawai Eksekutif Matrix Concepts, Chai Keng Wai berkata, projek bagi fasa kedua untuk kediaman dua tingkat serba mewah dan moden di Bandar Sri Sendayan itu menawarkan sebanyak 34 unit vila yang dibangunkan di atas tanah seluas 6.5 hektar.

"Untuk projek fasa dua ini, kami menawarkan tiga jenis reka bentuk vila resort dan ia dijangka siap menjelang pertengahan tahun 2026," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis pelancaran eksklusif Resort Villa dan majlis

penghargaan media di Bandar Sri Sendayan baru-baru ini.

Menurut Keng Wai, bermula dengan harga RM4 juta, Resort Villa menawarkan keluasan binaan antara 6,839 kaki persegi hingga 7,749 kaki persegi dan dilengkapi dengan tiga jenis susun atur yang tersedia untuk disesuaikan dengan pilihan konsep yang pelbagai.

Tambah beliau, kediaman ini menawarkan kehidupan serba mewah yang direka dengan teliti serta menggabungkan keanggunan, keselesaan selain memanfaatkan ketenangan.

"Kami bukan sekadar membina rumah tetapi kami sedang membina masa depan yang mampan dengan memperkenalkan kemewahan serta gaya hidup yang tiada tandingan," katanya.

Projek Resort Villa itu turut didatangkan dengan ciri-ciri yang mesra alam sekitar seperti pemanas air suria dan sistem penuaian air hujan di samping menyediakan keselamatan premium dengan sistem rumah pintar dan ciri keselamatan yang serba canggih.



**KENG WAI** (dua dari kiri) pada majlis pelancaran fasa dua projek Resort Villa di Bandar Sri Sendayan, Seremban baru-baru ini.